

Karangan Fakta

1. Susun ayat mengikut keutamaan supaya menjadi karangan yang lengkap.
2. Salin karangan yang lengkap di dalam buku Penulisan 2.

Kepentingan Permainan Tradisional

PENDAHULUAN

Definisi. - _____

Ayat contoh - _____

Permainan tradisional merupakan permainan yang dimainkan oleh generasi pada zaman nenek moyang kita sejak dahulu lagi.

Antara contoh permainan tradisional yang masih dimainkan kini ialah permainan gasing, wau dan congkak.

PERENGKAN ISI 1

Isi utama - _____

Huraian - _____

Contoh. - _____

Hal ini adalah kerana permainan tradisional merupakan warisan nenek moyang kita yang melambangkan adat, budaya dan identiti sesuatu bangsa

Permainan Tradisional merupakan warisan budaya Malaysia yang tidak ternilai harganya

Generasi muda perlu mengenali permainan seperti congkak, sepak raga, wau supaya mereka berbangga dengan adat dan budaya walaupun terdapat pelbagai permainan moden pada masa kini.

PERENGKAN ISI 2

Isi utama - _____

Huraian - _____

Contoh _____

Sebagai contoh, permainan congkak yang memerlukan dua orang untuk memainkannya dan begitu juga permainan sepak raga yang perlu dimainkan secara berkumpulan.

Permainan tradisional dapat dijadikan sebagai alat hiburan untuk mengisi masa lapang.

Permainan tradisional dapat menghiburkan seseorang kerana permainan ini menyeronokkan dan dimainkan secara berkumpulan.

PERENGKAN ISI 3

Isi utama — _____

Huraian — _____

Contoh _____

Pada kebiasaannya, pelancong luar yang datang ke negara kita ingin melihat keunikan budaya warisan yang terdapat di Malaysia.

Kepentingan seterusnya ialah permainan tradisional dapat dijadikan suatu produk pelancongan yang menguntungkan negara.

Sebagai contoh, permainan wau ataupun layang-layang yang kini telah mendapat tempat di persada antarabangsa.

PERENGKAN PENUTUP

Kesimpulan - _____

Pendapat — _____

Sebagai rakyat Malaysia yang menghargai warisan tradisi seharusnya berganding bahu sebagai **aur dengan tebing** dalam mengekalkan permainan tradisional ini.

Permainan tradisional banyak memberikan kepentingan kepada rakyat mahupun negara.